

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN PRIHATIN RAKYAT (BPR) 2021

SEMAKAN STATUS BPR 2021

A. Kaedah Semakan Status BPR 2021

1. S: Bagaimanakah saya boleh mengetahui status BPR 2021?

J: Semakan status BPR 2021 boleh dibuat melalui:

- i. Portal Rasmi Bantuan Prihatin Rakyat LHDNM, <https://bpr.hasil.gov.my> dengan memilih Log Masuk; atau
- ii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- iii. Hubungi MoF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi – 5.00 petang); atau
- iv. Hadir ke LHDNM yang berhampiran

2. S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status BPR 2021 melalui Portal Rasmi BPR (<https://bpr.hasil.gov.my>)?

J: Semakan boleh dibuat seperti berikut:

- i. Klik Log Masuk
- ii. Masukkan Nombor MyKad
- iii. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
- iv. Masukkan kata laluan
- v. Klik Menu Semakan Status
- vi. Maklumat yang akan dipaparkan
 - a. Status Permohonan
 - b. Maklumat Pembayaran (Jika Ada)

B. Semakan Status Permohonan BPR 2021

3. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan DALAM PROSES PENGKREDITAN?

J: **DALAM PROSES PENGKREDITAN** adalah merujuk kepada pembayaran BPR 2021 dalam proses pengkreditan ke akaun bank. Anda boleh membuat semakan pada penyata akaun bank penerima mengikut tarikh pembayaran yang telah ditetapkan.

4. **S: Saya telah membuat semakan dan maklumat pembayaran yang dipaparkan pada Status Kredit adalah Gagal Kredit. Apa yang perlu saya lakukan untuk mendapatkan Bayaran BPR 2021 berkenaan?**

J: Sekiranya Status Kredit yang dipaparkan adalah **Gagal Kredit**, penunaian boleh dibuat oleh pemohon di kaunter BSN dengan membawa MyKad mengikut tarikh pembayaran yang telah ditetapkan.

5. **S: Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan PEMBAYARAN SECARA TUNAI?**

J: **PEMBAYARAN SECARA TUNAI** adalah merujuk kepada pembayaran BPR 2021 secara tunai di Kaunter BSN. Anda boleh hadir untuk penunaian BPR 2021 di Kaunter BSN mengikut tarikh pembayaran yang telah ditetapkan.

6. **S: Saya telah menerima SMS yang memaklumkan status Permohonan BPR 2021 tidak lulus. Bagaimanakah saya boleh mengetahui maklumat lanjut tidak lulus berkenaan?**

J: Semakan status permohonan BPR 2021 boleh dibuat seperti Jawapan bagi Soalan 1. Keterangan Kod Tidak lulus akan dipaparkan pada semakan status berkenaan.

7. **S: Saya adalah penerima Geran Khas Prihatin. Adakah saya layak untuk menerima BPR 2021?**

J: Pemohon atau pasangan yang telah menerima Geran Khas Prihatin tidak layak untuk menerima BPR 2021.

8. **S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan dan paparan Status Permohonan adalah Tidak Layak. Apakah yang dimaksudkan dengan TIDAK LAYAK?**

J: Sila hubungi cawangan LHDNM berdekatan untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan Status Tidak Layak tersebut.

9. S: Permohonan BPR 2021 saya berstatus TIDAK LULUS. Bilakah tempoh untuk permohonan Rayuan BPR 2021?

J: Rayuan BPR 2021 boleh dibuat mulai **15 Jun 2021 sehingga 30 Jun 2021** (tertakluk pada pindaan).

10. S: Permohonan BPR 2021 saya berstatus TIDAK LULUS kerana telah menerima Geran Khas Prihatin. Saya telah membuat pemulangan Geran Khas Prihatin kepada Kementerian Kewangan Malaysia. Adakah saya layak untuk membuat rayuan dan menerima BPR 2021?

J: Pemulangan semula Geran Khas Prihatin [GKP 1.0 / GKP 2.0 / GKP Tambahan (Permai)] yang dibuat kepada Kementerian Kewangan Malaysia sehingga 31 Mei 2021 layak untuk membuat Rayuan BPR 2021 dan semakan semula akan dibuat berdasarkan kelayakan BPR 2021 yang telah ditetapkan bagi penentuan kelulusan.